

Bab 6

Hubungan di antara penerapan undang-undang dan amalan tidak beretika di dalam Teknologi Komunikasi Maklumat.

6.1 Pengenalan

Suatu tingkah laku yang tidak beretika tidak semestinya telah melanggar undang-undang dan suatu tingkah laku yang beretika tidak semestinya dibenarkan di dalam undang-undang. Contohnya seorang remaja yang tidak mahu memberi makan kepada seekor kucing jalanan yang sedang kelaparan, ia merupakan tindakan yang tidak beretika dari sudut pandangan ahli deontologis tetapi ia tidak dikatakan melanggar undang-undang. Contoh yang lain melibatkan seorang pencinta haiwan yang melepaskan seekor anak unta yang baru ditangkap dari sebuah zoo. Ini merupakan suatu tindakan yang terpuji tetapi dari segi undang-undang ia adalah salah.

Perilaku manusia yang melibatkan teknologi komunikasi maklumat melibatkan kepentingan dan maruah. Oleh kerana etika bagi setiap individu adalah bersifat relatif dan tidak wajib dipatuhi, harus ada suatu sistem formal yang mengawasi agar tidak ada pihak yang ditindas. Ini adalah kerana terdapatnya isu-isu etika di dalam TKM yang masih tidak selas penguatkuasaannya dari segi undang-undang.

6.2 Sistem formal

Sistem formal adalah sistem yang mempunyai peraturan yang tetap untuk mengatur tingkah laku ahli-ahli di dalam sebuah organisasi. Peraturan-peraturan ini menunjukkan rupa entuk kawalan yang diterapkan oleh sesuatu organisasi. Peraturan diterapkan ke atas sesuatu

komuniti supaya ahli-ahli di dalam sesuatu komuniti itu dapat bertingkah laku secara konsisten di dalam pergaulannya dengan ahli-ahli lain di dalam komuniti(Jonathan Liebenau 1990 : 94-96). Sistem formal berbeza di antara suatu komuniti dengan komuniti yang lain. Ciri-ciri dan cara bertingkah-laku di dalam sesuatu komuniti itu bergantung kepada norma-norma yang ada di dalamnya. Etika semata-mata tidak dapat mengawal setiap ahli komuniti tertentu untuk bertingkah-laku secara konsisten dan kerana itulah diperlukan undang-undang yang dikuatkuasakan. Ini seperti yang digambarkan oleh Thomas Hobbes dan John Stuart Mill:

Thomas Hobbes:

"And therefore if any two men desire the same thing, which nevertheless they cannot both enjoy, they become enemies; and in the way to their end, which is principally their own conservation, and sometimes their delectation only, endeavour or subdue one another." (Margaret D. Wilson et al. 1972 : 645).

John Stuart Mill:

"That the only purpose for which power can be rightfully exercised over any member of a civilized community, against his will, is to prevent him harm to others." (Margaret D. Wilson et al. 1972 : 690 – 691).

Ini menunjukkan bahawa asas kepada pembentukan sesuatu sistem formal adalah untuk menghalang sebarang bentuk pencabulan hak ke atas individu yang lain. Sistem formal bagi sesebuah organisasi adalah peraturan-peraturan yang telah dipersetujui untuk dipatuhi oleh pekerja tatkala surat perlantikan ditandatangani dan sebarang pencabulan peraturan tersebut akan menyebabkan pekerja tersebut dijatuhi hukuman. Sistem formal bagi sesebuah negara pula ialah undang-undang yang telah tertulis di dalam sistem perundangan negara. Aspek undang-undang menjadi penting apabila tiba suatu peringkat di mana kod peribadi berselisih dengan kod peribadi yang lain(Langford 1995 : 56). Ini menunjukkan bahawa di

dalam sesebuah negara atau masyarakat yang mengamalkan prinsip kebebasan, setiap individu tidaklah dikatakan bebas secara mutlak. Sekiranya kebebasan yang ada padanya mengancam keselamatan atau kepentingan orang lain ia akan dikenakan tindakan undang-undang. Contohnya seseorang yang merokok di stesen minyak merupakan kesalahan yang besar dan akan dikenakan kompoun walaupun perbuatan merokok itu tidak salah dari segi undang-undang.

Tingkah laku yang melanggar undang-undang di dalam sesuatu sistem formal masih dapat diterima dengan syarat ia mestilah disokong oleh hujah yang lebih kuat (*overriding reasons*) daripada justifikasi undang-undang yang dinyatakan. Di dalam kes membuat salinan sesuatu perisian daripada salinan yang asli, ia tidak di sokong oleh hujah yang lebih kuat daripada justifikasi undang-undang Hakcipta. Hujah yang menyokong tindakan melakukannya ialah undang-undang hakcipta dikatakan telah menyusahkan orang lain yang berada di dalam keadaan terdesak dan tindakan itu dikatakan juga tidak mencederakan pemilik perisian itu. Hujah ini tidak dapat mengatasi justifikasi undang-undang kerana tindakan ini seperti ini dianggap telah mengambil sesuatu yang berharga milik seseorang yang dilindungi oleh undang-undang. Oleh kerana itu ia dikatakan telah menyakiti mereka.

(Deborah G. Johnson 1994 : 75-79).

6.3 Perbandingan Etika dan undang-undang.

Sistem etika semata-mata tidak dapat menjamin keselamatan dan kepentingan semua ahli masyarakat secara konsisten. Secara individu, seseorang tidak memerlukan undang-undang, tetapi apabila ia menyangkut hubungan dengan orang lain, undang-undang berkaitan sesuatu perkara yang khusus perlu dikuatkuasakan. Berbanding teori etika yang telah diuraikan di dalam Bab 2, undang-undang ialah peraturan yang digubal oleh pihak berkuasa

untuk mengatur kehidupan sesuatu masyarakat atau sesebuah negara supaya aman. Umumnya, undang-undang terbahagi kepada empat bahagian :-

- a) *Statute* iaitu undang-undang yang diaktakan oleh perundangan seperti Majlis Perundangan Negara dan sebagainya. Kandungan *Statute* merupakan meliputi sebahagian besar undang-undang. *Ordinance* pula diaktakan oleh badan kerajaan tempatan seperti Majlis Kerajaan Tempatan.
- b) Undang-undang Awam (*Common Law*) pula merupakan undang-undang yang digunakan untuk mengawal masyarakat yang mana ia wujud sebelum adanya *Statute*. Ia adalah untuk memperkuuhkan keputusan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah.
- c) Undang-undang perlombagaan (*Constitutional Law*) adalah keputusan mahkamah terhadap perlombagaan mana-mana undang-undang. Mahkamah memutuskan sama ada sesuatu undang-undang itu sesuai dengan perlombagaan atau tidak.
- d) Peraturan (*Regulation*) pula ialah undang-undang yang berbentuk arahan pihak berkuasa.(Ahmad Khamis 1999 : 6).

Adalah suatu kesilapan sekiranya menganggap undang-undang adalah sama dengan etika.Ia akan memberikan tanggapan yang salah di dalam menentukan samada sesuatu perbutan itu telah melanggar atau mematuhi undang-undang. Suatu tindakan beretika tidak boleh dianggap sebagai tidak melanggar undang-undang manakala suatu tindakan tidak beretika tidak boleh juga dianggap terus sebagai telah melanggar undang-undang. Charles P. Fleeger (1989) menerangkan perbezaan di antara undang-undang dan etika.

Undang-undang	Etika
Ditafsirkan oleh suatu badan penghakiman di dalam institusi mahkamah dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.	Ditafsirkan secara berasingan oleh setiap individu dan keputusan antara individu berbeza serta keputusan yang dibuat bukanlah sesuatu yang muktamad.
Dikuatkuasakan oleh badan penguatkuasaan wilayah seperti polis.	Penguatkuasaan secara dalaman oleh sesuatu organisasi.
Keputusan bersifat mengikat iaitu wajib dipatuhi oleh setiap individu masyarakat.	Keputusan bersifat mengikat dan wajib dipatuhi oleh setiap individu yang bernaung di bawah sesuatu organisasi.
Termaktub di dalam perlembagaan dan bertulis.	Termaktub secara formal di dalam garis panduan sesebuah organisasi.

Jadual 6.1. Perbezaan di antara undang-undang dan etika (Sumber : Charles P. Pfleeger 1989 : 518)

6.4 Undang-undang Komputer.

Undang-undang komputer ialah salah satu cabang daripada bidang perundangan yang mengatur aktiviti yang melibatkan Teknologi Komunikasi Maklumat. Teknologi Komunikasi Maklumat daripada perspektif undang-undang bermakna komputer yang digunakan untuk nemindahkan maklumat di dalam aspek telekomunikasi dan penyiaran. Teknologi Komunikasi Maklumat masakini secara umumnya disamaartikan dengan komputer. Komputer tidak boleh dilihat sebagai suatu alat yang di dalam istilahnya '*stand alone*' semata-mata, ia

Undang-undang	Etika
Ditafsirkan oleh suatu badan penghakiman dalam institusi mahkamah dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.	Ditafsirkan secara berasingan oleh setiap individu dan keputusan antara individu berbeza serta keputusan yang dibuat bukanlah sesuatu yang muktamad.
Dikuatkuasakan oleh badan pengawas wilayah seperti polis.	Penguatkuasaan secara dalaman oleh sesuatu organisasi.
Keputusan bersifat mengikat iaitu wajib dipatuhi oleh setiap individu masyarakat.	Keputusan bersifat mengikat dan wajib dipatuhi oleh setiap individu yang bernaung di bawah sesuatu organisasi.
Termaktub di dalam perlembagaan dan tertulis.	Termaktub secara formal di dalam garis panduan sesebuah organisasi.

adual 6.1. Perbezaan di antara undang-undang dan etika (Sumber : Charles P. Pfleeger 1989

518)

5.4 Undang-undang Komputer.

Undang-undang komputer ialah salah satu cabang daripada bidang perundangan yang mengatur aktiviti yang melibatkan Teknologi Komunikasi Maklumat. Teknologi Komunikasi Maklumat daripada perspektif undang-undang bermakna komputer yang digunakan untuk nemindahkan maklumat di dalam aspek telekomunikasi dan penyiaran. Teknologi Komunikasi Maklumat masakini secara umumnya disamaartikan dengan komputer. Komputer tidak boleh dilihat sebagai suatu alat yang di dalam istilahnya '*stand alone*' semata-mata, ia

sebenarnya terdiri daripada cip-cip semikonduktor yang boleh disepadukan kepada mana-mana teknologi lain seperti kereta, kapal terbang, peralatan keperluan harian dan sebagainya. Setiap sistem bersepadan ini boleh berinteraksi di antara satu sama lain di dalam suatu sistem kawalan tanpa dihadkan oleh jarak atau masa (Chris Reed 1993 : 2-3).

Undang-undang komputer tidak boleh disamaartikan dengan undang-undang maklumat. Ini adalah kerana undang-undang maklumat bersifat terlalu umum. Tumpuan di dalam bidang undang-undang komputer ini ialah di dalam aspek salah-laku di dalam penggunaan teknologi. Ia bermaksud undang-undang komputer ialah undang-undang yang mengatur sebarang aktiviti memproses maklumat. Undang-undang maklumat pula berkaitan dengan status maklumat dan telah dikuatkuasakan sebelum kedatangan komputer lagi (Chris Reed 1993 : 2).

Walaupun ada pendapat yang mengatakan tidak perlu untuk memisahkan undang-undang komputer daripada yang lain, ini adalah kerana kes-kes yang melibatkan komputer hanyalah merupakan aplikasi daripada prinsip yang sedia ada. Walaubagaimanapun, fakta-fakta yang baru ditemukan di dalam Teknologi Komunikasi Maklumat, dilihat secara kualitatif adalah berbeza daripada fakta-fakta yang ditemukan di dalam bidang teknologi yang lain. Undang-undang yang sedia ada melindungi pengguna di dalam perkara yang berkaitan barang dan perkhidmatan. Teknologi Komunikasi Maklumat telah merubah sifat maklumat yang pada asalnya tidak ada nilai yang tetap kepada suatu yang seolah-olahnya wujud secara fizikal (*quasi-physical*). Yang boleh dijual seperti barang komoditi yang lain. Disinilah adanya keperluan wujudnya bidang undang-undang komputer secara berasingan daripada undang-undang yang sedia ada (Chris Reed 1993 : 3).

6.5 Isu-isu terpilih di dalam penguatkuasaan undang-undang ke atas amalan tidak beretika di dalam Teknologi Komunikasi Maklumat.

Penguatkuasaan etika melalui undang-undang dapat dikaji melalui empat kategori: a) Kebebasan berpendapat yang melampaui batas seperti perbuatan memfitnah, menyebarkan kabar angin dan kelucahan ; b) Hak Kepemilikan iaitu Hakcipta dan Membuat Salinan peribadi ; c) Hak Peribadian Individu iaitu Maklumat Individu dan Maklumat umum yang terkawal ; d) Penyalahgunaan Komputer iaitu *Cracker* dan *virus*.

6.5.1 Kebebasan berpendapat (Freedom of speech).

6.5.1.1 Perbuatan memfitnah.

Penyataan yang berbentuk fitnah atau pembohongan bermaksud penyataan yang merendahkan maruah seseorang ataupun organisasi menyebabkan pihak yang diserang dipandang serong oleh masyarakat. Walaubagaimanapun, sekiranya maklumat atau berita itu adalah benar, dia akan mampu menahan tekanan daripada masyarakat. (Ian Cram 1998 : 40-41). Pelanggaran etika muncul apabila berlaku pencabulan hak iaitu apabila terbukti perkara yang disebarluaskan adalah suatu pembohongan. Apabila berita itu telah tersebar ke segenap rakyat masyarakat, maka perlunya campurtangan daripada pihak berkuasa untuk melindungi pihak yang difitnah.

Fitnah yang banyak tersebar di dalam internet mencetuskan kegelisahan sosial kerana beberapa sebab seperti boleh mewujudkan perpecahan, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, masaalah politik dalaman, kegawatan ekonomi, dan krisis kepimpinan disebabkan oleh pembohongan terus menerus ke atas pemimpin.(Abdul Rahim Abdul Rashid 1998) Kebanyakan pembohongan dan tuduhan-tuduhan tidak berasas disebarluaskan dengan

mudah melalui internet. Pendakwaan ke atas pihak yang terbabit di dalam menyebarkannya tidak mudah untuk dilaksanakan. Di Malaysia, kes fitnah di dalam internet disabitkan kesalahan berdasarkan akta-akta yang sedia wujud iaitu Akta Fitnah - 1957 (Disemak - 1983) dan Akta Ketenteraman Awam(Pemeliharaan) 1958 iaitu Akta untuk memelihara dan mengekalkan ketenteraman awam. Di dalam undang-undang berkenaan dengan penyebaran fitnah di dalam internet, adalah menjadi suatu kesalahan bagi mereka yang:

- a) Secara langsung terbukti menjadi pengarang sesuatu kenyataan palsu seperti yang di dakwa.
- b) Terlibat melalui bidang kuasanya mengatur penyebaran kenyataan-kenyataan palsu seperti yang di dakwa.
- c) Terlibat sebagai perantara secara sedar di dalam aktiviti penyebaran kenyataan-kenyataan yang didakwa.

Tidak termasuk di dalam kategori pengarang adalah:

- a) Mereka-mereka yang hanya terlibat di dalam membuat salinan, pengedaran atau penjualan bahan-bahan yang mengandungi kenyataan-kenyataan palsu seperti yang didakwa. Dan
- b) Operator sistem komunikasi yang menjadi medium di dalam penyebaran kenyataan-kenyataan palsu seperti yang didakwa.

(Graham J H Smith 1996).

6.5.1.2 Khabar Angin.

Dari segi istilah , khabar angin (*rumours*) adalah satu kenyataan atau berita yang dikatakan benar dan disebarluaskan tanpa didasari dalil ataupun bukti yang kukuh (Abdullah Ahmad 2001)¹. Penyebaran khabar angin boleh menyebabkan kegelisahan sosial di dalam masyarakat yang boleh mengakibatkan perpecahan, dan sikap syak wasangka di kalangan ahli-ahlinya kerana ia hanya berupa berita-berita yang tidak diketahui kesahihan sumbernya (Abdul Rahim 1998).

Contohnya di dalam kes pada tahun 1997 yang melibatkan penyebaran khabar angin melalui email yang mengatakan sejumlah besar orang Indonesia akan melakukan rusuhan di sebuah negara sekitar jalan Chow Kit. Khabar angin palsu ini telah menyebabkan suasana tegang di kalangan peniaga kawasan tersebut. Maklumat-maklumat yang tidak jelas pengirimnya mestilah dipastikan kesahihannya terlebih dahulu kerana maklumat sedemikian biasanya hanya untuk mencapai kepentingan pihak tertentu .

Contoh yang lain ialah kes pada tahun 1998, iaitu ketika mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berlangsung di Kuala Lumpur. Khabar angin tersebar luas di dalam internet yang mengatakan terdapat perhimpunan besar-besaran yang melibatkan 2.1 juta orang. Ia jelas suatu pembohongan kerana angka tersebut lebih kurang menyamai jumlah penduduk Singapura. Ini adalah contoh membuktikan khabar angin yang bertujuan untuk memenuhi kepentingan pihak tertentu tanpa mengambilkira akibatnya keatas ahli masyarakat yang lain. (Mohd Zuki Pileh 1998). Daripada itu di atas, khabar angin yang tidak berasas menggugat ketenteraman awam dan boleh menyebabkan ‘panik’ di kalangan anggota masyarakat. Kesan daripada khabar angin ini membawa keburukan tanpa apa-apa manfaat. Pengaruhkuasaan diperlukan agar penyebaran khabar angin yang tidak berasas dapat dikawal

6.5.1.2 Khabar Angin.

Dari segi istilah , khabar angin (*rumours*) adalah satu kenyataan atau berita yang dikatakan benar dan disebarluaskan tanpa didasari dalil ataupun bukti yang kukuh (Abdullah Ahmad 2001)¹. Penyebaran khabar angin boleh menyebabkan kegelisahan sosial di dalam masyarakat yang boleh mengakibatkan perpecahan, dan sikap syak wasangka di kalangan ahli-ahlinya kerana ia hanya berupa berita-berita yang tidak diketahui kesahihan sumbernya (Abdul Rahim 1998).

Contohnya di dalam kes pada tahun 1997 yang melibatkan penyebaran khabar angin melalui email yang mengatakan sejumlah besar orang Indonesia akan melakukan rusuhan di sebuah negara sekitar jalan Chow Kit. Khabar angin palsu ini telah menyebabkan suasana tegang di kalangan peniaga kawasan tersebut. Maklumat-maklumat yang tidak jelas pengirimnya mestilah dipastikan kesahihannya terlebih dahulu kerana maklumat sedemikian biasanya hanya untuk mencapai kepentingan pihak tertentu .

Contoh yang lain ialah kes pada tahun 1998, iaitu ketika mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berlangsung di Kuala Lumpur. Khabar angin tersebar luas di dalam internet yang mengatakan terdapat perhimpunan besar-besaran yang melibatkan 2.1 juta orang. Ia jelas suatu pembohongan kerana angka tersebut lebih kurang menyamai jumlah penduduk Singapura. Ini adalah contoh membuktikan khabar angin yang bertujuan untuk memenuhi kepentingan pihak tertentu tanpa mengambil kira akibatnya keatas ahli masyarakat yang lain. (Mohd Zuki Pileh 1998). Daripada itu di atas, khabar angin yang tidak berasas menggugat ketenteraman awam dan boleh menyebabkan ‘panik’ di kalangan anggota masyarakat. Kesan daripada khabar angin ini membawa keburukan tanpa apa-apa manfaat. Penguatkuasaan diperlukan agar penyebaran khabar angin yang tidak berasas dapat dikawal

dan tidak menjadi kebiasaan di dalam masyarakat. Mereka-mereka yang terlibat didakwa di bawah akta Akta Hasutan 1948 iaitu akta untuk menyediakan hukuman ke atas perbuatan menghasut bertujuan menimbulkan kekacauan.

6.5.1.3 Penyebaran bahan-bahan lucah.

Kelucuan disepakati membawa kerosakan kerana ia berkecenderungan merosakkan iman (*deprave*) dan mengotorkan pemikiran sesiapa sahaja yang memiliki bahan atau yang melihatnya terutamanya kepada kanak-kanak dan remaja. (Graham J. H Smith 1996 :126-127). Oleh kerana itu, penguatkuasaan undang-undang sangat penting untuk tujuan melindungi generasi remaja daripada kerosakan pemikiran yang justeru akan merosakkan tingkah-laku mereka. Mereka akan menjadi rungsing jika tidak ‘menikmatinya’. Terlalu disogokkan dengan maklumat-maklumat yang kotor ini akan memberi kesan buruk kepada pembangunan kerohanian diri seseorang (Asmah Bee 1998 : 50-51).

Menurut Prof. Madya Dr. Aminuddin Mohd. Yusof, pensyarah di Jabatan Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia, teknologi internet telah meruntuhkan kekangan daripada nilai budaya masyarakat. (Mohd Zuki Pileh 2000). Ini menyebabkan bahan-bahan lucah yang meliputi 70% kandungan internet mudah dicapai oleh remaja dan kanak-kanak sekolah. Bahan-bahan cetak dan elektronik yang berunsur lucah sebelum ini tidak mudah diperolehi kerana penguatkuasaan undang-undang yang ketat oleh kerajaan. Ia dikuatkuasakan berdasarkan akta yang sedia wujud iaiti Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Akta-akta ini bertujuan untuk mendakwa pihak yang tersabit dengan kesalahan pornografi dan eksploitasi wanita untuk tujuan seksual. Walaupun dengan penguatkuasaan seperti yang dinyatakan, maklumat-maklumat terlarang masih mudah dicapai dan disebarluaskan di dalam internet (Mohd Zuki Pileh 2000). Kemasukan internet

dikatakan telah menghapuskan kekangan bermaksud ia telah memberikan laluan yang seluas-luasnya kepada para remaja untuk mencapai bahan-bahan lucu melalui teknologi internet(V Prathaban 1998 : 16-17).

6.5.2 Hak kepemilikan maklumat/perisian komputer (*Property Rights in Computing Software*).

6.5.2.1 Perisian Tiruan (*Pirate Software*).

Isu berkenaan karya tiruan muncul apabila sesuatu hasil telah diterbitkan. Penerbitan mestilah di dalam bentuk bercetak, filem atau digital. Penerbitan sesuatu karya asli melibatkan kos yang besar dan pengedaran hasil tiruan akan mengakibatkan sesuatu individu atau syarikat yang menjadi pengeluar akan mengalami kerugian. Amalan mengedarkan perisian tiruan ini tidak beretika kerana ia melanggar hak moral dari sudut ekonomi (Graham J H Smith 1996:15-16). Kerana itu penguatkuasaan berkenaan hakcipta diperkenalkan untuk memastikan pihak yang mengalami kerugian mendapat pembelaan.

Hakcipta merupakan hak yang diberikan kepada penulis atau orang yang menghasilkan sesuatu kerja seperti penulisan, filem atau program komputer untuk mengawal penyalinan atau sebarang eksplotasi terhadap hasil kerja mereka.(Chris Reed 1993 : 88). Hakcipta adalah suatu set peraturan yang mengatur hak untuk menyalin suatu hasil kerja. Undang-undang yang termaktub (*statute*)secara umumnya memberikan hak :

- a) Kepada sesuatu pihak untuk membuat salinan suatu hasil kerja di dalam tempoh yang dihadkan.
- b) Menghalang orang lain daripada membuat salinan daripada hasil kerja yang asal.

(David Johnston et al. 1998 :149).

Hak cipta melindungi penyalinan, penerbitan idea, tetapi ia tidak melindungi idea di dalam sesuatu penerbitan. Hak cipta pada mulanya melindungi kerja-kerja kesusteraan sahaja tetapi yang terbaru ialah perlindungan kepada hasil-hasil kerja yang menggunakan komputer seperti perisian dan program-program komputer. Hanya hasil yang asli dan dirakam di dalam bentuk tertentu sahaja yang dilindungi iaitu tidak termasuk yang masih dalam pembikinan. Hakcipta sebenarnya perlu dikuatkuasakan melalui undang-undang untuk melindungi sebarang hakcipta yang dihasilkan secara emperikal. Hak moral bagi hak cipta adalah hak berbentuk ekonomi (Duncan Langford 1995 :66).

Di Malaysia, akta baru dan khusus yang digubal untuk pendakwaan di dalam kes pencabulan hakcipta melibatkan komputer ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (akta 588). Akta ini menjelaskan perkara berkenaan hakcipta di dalam Bahagian VI iaitu Pengawalseliaan Ekonomi, Bab 1 Hal perlesenan (Perkara 1) yang menyatakan ;

“Tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang boleh ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, seseorang pemberi kemudahan rangkaian dan seseorang pemberi perkhidmatan rangkaian hendaklah memberikan capaian kepada kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian mereka yang tersenarai dalam senarai capaian kepada mana- mana pihak pemberi kemudahan (a) pemberi kemudahan rangkaian lain; (b) pemberi perkhidmatan rangkaian lain; (c) pemberi perkhidmatan aplikasi lain; atau (d) pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan lain, yang membuat suatu permintaan bertulis bagi mendapatkan capaian kepada pemberi kemudahan rangkaian...”

“Pelanggaran perkara tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya”².

Daripada petikan di atas, menjadi suatu kesalahan sekiranya pemberi perkhidmatan atau dikenali sebagai orang yang mengedarkan kemudahan IT kepada pihak lain tanpa ada perjanjian. Bahkan akan dikenakan hukuman yang berat iaitu denda sehingga lima ratus ribu

ringgit atau dipenjara tidak melebihi lima tahun. Di dalam bahagian ini mensyaratkan sesuatu perjanjian capaian bertulis bagi pemberian kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian tersenarai hendaklah didaftarkan dengan Suruhanjaya mengikut seksyen 91. Dan juga; tiada perjanjian capaian bertulis bagi pemberian kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian tersenarai boleh dikuatkuasakan melainkan jika perjanjian itu telah didaftarkan.

Bahagian VIII, bab 3, Penyelesaian Pertikaian Pengguna yang mengatur sebarang pertikaian di antara pemegang lesen dan pengguna.

“153. (1) Suruhanjaya hendaklah membuat suatu permintaan bertulis kepada forum capaian itu supaya menyediakan suatu kod capaian. (2) Suatu kod capaian hendaklah memperuntukkan terma dan syarat contoh bagi pematuhan kewajipan capaian standard. (3) Perkara-perkara yang boleh ditentukan oleh kod capaian termasuk, tetapi tidak terhad kepada—

- (a) tempoh masa dan tatacara bagi perundingan dan pengikatan perjanjian capaian;
- (b) perkaedahan kadar;
- (c) pelindungan harta intelek;
- (d) pelindungan maklumat perdagangan;
- (e) penyediaan kemudahan; dan
- (f) perkongsian maklumat teknik.”³

6.5.2.2 Penyalinan perisian tanpa lesen.

Membuat satu salinan perisian untuk kegunaan peribadi dianggap baik kerana ia tidak menyakiti seseorang. Pada asalnya, ia nampak seakan-akan ada kebenarannya. Iaitu ia tidak mencederakan seseorang, walaubagaimanapun, apabila kita berada di dalam suatu masyarakat yang mempunyai undang-undang, undang-undang melindungi hak yang sah. Walaupun melakukan salinan tidak mencederakan seseorang, tetapi ia telah mencabul hak orang lain. Apabila seseorang membuat salinan sesuatu perisian, dia juga dikatakan telah menyakiti seseorang kerana mencabul hak pemilik untuk mengawal penggunaan perisian dan hak

mengambil bayaran sebagai pertukaran penggunaan perisian. Inilah yang dikatakan juga telah melakukan kegiatan yang menyakiti orang lain. Istilah menyakiti di sini bermaksud mencabul hak seseorang.

Terdapat dua contoh yang dapat menunjukkan seolah-olah sesuatu pihak mempunyai hak untuk membuat salinan tanpa lesen. Contoh pertama biasanya berlaku di dalam perniagaan.. Sebuah syarikat baru yang mendapat kontrak walaupun di dalam keadaan kelembapan ekonomi perlu kekuatan untuk bersaing dengan syarikat-syarikat yang lain.Oleh kerana itu syarikat akan memastikan dengan apa cara supaya hasil yang dikeluarkan adalah bermutu tinggi. Seorang pekerja akan berada di dalam keadaan dilema apabila diminta untuk menggunakan perisian bermutu tetapi tidak berlesen. Pengurus akan menekankan bahawa ia mesti dilaksanakan juga kerana untuk membeli perisian yang berlesen memerlukan kos sehingga US10,000 yang mana akan menyebabkan kerugian dan memerlukan bertahun-tahun untuk pulih. Apabila difikirkan peluang kerja yang sukar dan untuk memastikan kejayaan bersama, seorang pekerja tidak akan merasa dirinya bersalah kerana di katakan mempunyai '*overriding reasons*'.

Contoh yang kedua ialah di dalam bidang pendidikan. Seseorang guru akan menganggap menyalin sesuatu perisian tanpa lesen tidak salah. Apabila seorang guru baru yang diarah untuk menggunakan teknologi maklumat sebagai alat bantu pengajaran tanpa bantuan kewangan yang mencukupi, dia tidak lebih berkecenderungan untuk menggunakan salinan perisian tidak berlesen. Ini ditambah lagi sikap guru-guru lain yang mengatakan mereka mempunyai justifikasi untuk melakukannya. Ini adalah untuk memberi pendidikan bermutu kepada kanak-kanak. Dengan menggunakan perisian yang lama atau murahan, tidak mungkin mereka akan dapat memberikan pendidikan yang bermutu kepada para pelajar.

Bahkan pihak pengurusan juga mendiamkan diri apabila mendapati kebanyakkan guru-guru menggunakan salinan perisian tidak berlesen (Ernest A. Kallman et al 1996:92).

Deborah G Johnson(1994) menyatakan tindakan membuat salinan tanpa lesen dengan alasan di dalam keadaan terdesak ataupun ia tidak mencederakan pemiliknya tidak boleh diterima . Ini dapat digambarkan seperti berikut:

Katakan terdapat seorang pemilik kolam mandi yang menyewakan kolam mandinya kepada orang ramai pada setiap hari kecuali hari Isnin. Kemudian pada suatu suatu hari Isnin, seorang remaja yang sedang di dalam kepanasan yang amat sangat menceroboh dan tidak mengendahkan larangan yang ada serta mandi sebentar di dalam kolam tersebut lalu meneruskan perjalanan. Adakah ia dikatakan beretika dan sah? Walaupun ia tidak mencederakan ataupun tidak merugikan sesiapa?. Bagaimanakah perasaan tuanpunya kolam itu?. Oleh kerana tidak ada *overriding reasons*, maka dari segi undang-undang, remaja yang melintas lalu itu di anggap bersalah dan harus didenda sesuai dengan kesalahan yang dilakukan atau boleh dimaafkan oleh tuanpunya kolam itu.

6.5.3 Hak Keperibadian individu (Privacy).

6.5.3.1 Maklumat Peribadi.

Samuel D. Warren dan Louis D. Brandeis memberi justifikasi bahawa maklumat persendirian diiktaraf sebagai hak yang harus dilindungi dan ianya memang terdapat di dalam *common law*. Maklumat persendirian sangat penting di dalam membina suatu perhubungan persahabatan diantara individu yang berdasarkan kepercayaan dan karib. Di dalam masyarakat yang tidak menjamin hak persendirian, persahabatan, keakraban dan kepercayaan kepada orang lain tidak dapat berkembang. (Charles Fried 1968 : 477)

Terdapat 2 negara yang diketahui telah terdahulu di dalam penggubalan undang-undang berkaitan dengan penyalahgunaan komputer iaitu Amerika dan Kanada. Di Amerika, *The Electronics Communications Privacy Act* (ECPA) merupakan satu-satunya akta yang berkaitan dengan Hak Peribadi (*Privacy*). Akta ini pada awalnya hanya melibatkan gangguan pada talian peralatan analog. Tetapi pada tahun 1986, iaanya telah diperluaskan sehingga meliputi bidang komunikasi digital. Akta ini menggambarkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan memintas atau mendedahkan komunikasi peribadi tanpa sebab yang dipersetujui dan kepada pihak yang tidak berhak mengetahuinya. Akta kedua ialah *Privacy Protection Act*(PPA). Akta ini hanya melibatkan penerbitan elektronik. Di dalam kes ini pihak berkuasa harus mendapatkan perintah bicara bagi pihak yang disyaki. Dengan cara ini pihak penerbit dapat bekerjasama di dalam penerbitan bahan bersifat peribadi tanpa kebenaran. Di Kanada, kod jenayah diperkenalkan pada tahun 1985 berkaitan sebarang bentuk pengubahsuaian data, perbuatan memusnahkan data, memintas atau menghalang penghantaran data (David Johnston 1998 :90-93). Di Malaysia jenayah ini disabitkan kesalahan di bawah Akta Jenayah Komputer 1997. Di dalam akta ini, capaian tanpa kuasa kepada bahan komputer atau percubaan boleh dihukum sebagai sebagai satu kesalahan(Undang-Undang Siber Malaysia 1999 : 73-76).

6.5.3.2 Maklumat umum peribadi tetapi terkawal.

Maklumat yang dikatakan bersifat umum tetapi terkawal melibatkan hubungan di antara individu dan sesuatu organisasi. Organisasi itu mungkin syarikat kewangan, pusat perubatan yang ia menjadi pesakit tetap, Jabatan Pendaftaran negara atau Jabatan Polis. Semua organisasi demikian menyimpan data peribadi seseorang individu yang berkenaan. Maklumat-maklumat seperti ini dapat membentuk hubungan diantara individu dan organisasi.

Oleh kerana organisasi mempunyai bidang kuasa yang lebih di dalam mengawal maklumat peribadi seseorang, harus ada undang-undang yang dapat melindungi sebarang penyelewengan yang dilakukan oleh organisasi ataupun individu itu sendiri.(Deborah G. Johnson 1994 : 92-93)Hak undang-undang yang ada termasuklah seperti yang diamalkan di US ialah Akta Laporan Kredit 1970 dan Akta Peribadi 1970. Menjadi satu kesalahan bagi sesuatu organisasi yang menyimpan maklumat peribadi seseorang tanpa melaksanakan suatu usaha untuk melindungi maklumat tersebut daripada disalahgunakan oleh pihak yang tidak mempunyai sebarang bidang kuasa ke atasnya (Duncan Langford 1995 : 66). Manakala di Malaysia kesalahan menyalahgunakan maklumat disabitkan kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 iaitu akta yang berkaitan melindungi rahsia-rahsia rasmi pindaan 1984 dan pindaan 1986.

6.5.4 Jenayah Penyalahgunaan Komputer.

6.5.4.1 Penggodaman (*Hacker*).

Hacking atau penggodaman telah dianggap sebagai suatu bentuk jenayah. Berbanding perbahasan isu *Hacker* di dalam bab sebelum ini, *Hacker* yang termasuk ke dalam kategori jenayah ialah yang melakukan pencerobohan tanpa kebenaran. Ini jelas sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam undang-undang Virginia yang begitu mudah dan jelas : “Sesiapa yang secara kehendak sendiri menggunakan komputer ataupun jaringan komputer, dengan niat untuk mendapatkan perkhidmatan tanpa kebenaran yang sah, disabitkan kesalahan berbentuk jenayah iaitu mencuri perkhidmatan komputer”

Di Malaysia jenayah ini disabitkan kesalahan di bawah Akta Jenayah Komputer 1997. Di dalam akta ini, Penggodaman diperincikan kepada enam bentuk. Iaitu capaian tanpa kuasa kepada bahan komputer, capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan atau memudahkan

berlakunya kesalahan lanjut, pengubahaian tanpa kuasa ke atas kandungan mana-mana komputer, komunikasi salah, pengsubahatan dan percubaan boleh dihukum sebagai kesalahan (Undang-Undang Siber Malaysia 1999 : 73-76).

6.5.4.2 Penggunaan program yang bersifat menganiaya.

Penggunaan program atau perisian komputer yang bersifat menganiaya bermaksud pengiriman sesuatu perisian komputer kepada pihak tertentu dengan tujuan semata-mata untuk menyebabkan kemasuhan yang total ke atas peralatan pihak yang dituju, untuk mencabul hak keperibadian individu dengan mendapatkan atau memintas data secara elektronik, juga dengan sengaja mengubahsuai kandungan pengkalan data supaya dapat melakukan penipuan atau untuk memperolehi sesuatu secara tidak sah dari segi undang-undang (Steven E. Miller 1996 : 357).

Kebanyakkan program-program yang bersifat menganiaya dicipta oleh golongan ‘hackers’. Golongan ini sebenarnya adalah golongan yang mempunyai kebolehan yang luar biasa di dalam bidang komputer. Bahkan, kebanyakkan program-program dan bahasa komputer yang terdapat hari ini dihasilkan daripada kalangan mereka. Ini adalah kerana interaksi mereka dan komputer yang berterusan menyebabkan mereka perlu untuk merekacipta program yang lebih baik supaya dapat menjadikan komputer sebagai ‘kawan’ yang mampu menurut apa sahaja kemauan mereka. Tetapi ada di kalangan mereka ini yang mempunyai sikap yang buruk dan menyalahgunakan kebolehan yang ada untuk merekacipta program-program memusnah atau yang biasa dipanggil virus komputer dengan upah yang lumayan. Biasanya program-program sebegini adalah untuk dikirim kepada pengkalan data tertentu untuk memusnahkan semua data yang ada di dalamnya (Duncan Langford 1995 : 88).

Perbuatan mengirimkan program virus dengan tujuan untuk memusnahkan sesbuah pangkalan data pihak lain adalah salah dari segi undang-undang seperti yang dinyatakan di dalam undang-undang siber Malaysia di bawah Akta Jenayah Komputer 1997. Di bawah akta ini. sebarang bentuk penganiayaan jelas merupakan suatu kesalahan di sisi undang seperti yang dinyatakan : “seseorang yang dengan sengaja melakukan perubahan ke atas sebarang kandungan komputer adalah disabitkan kesalahan dan ia tidak hanya merujuk kepada sesuatu program atau data sahaja, tetapi sebarang program yang boleh diketahui mengakibatkan perilaku tersebut.” (Cyber Laws 1997).

6.6 Isu-isu di dalam Penguatkuasaan.

Pada masa ini terdapat akta-akta yang dipinda khusus di dalam kes-kes yang melibatkan Teknologi. Contohnya Akta Ketenteraman Awam(Pemeliharaan) 1958 iaitu Akta untuk memelihara dan mengekalkan ketenteraman awam. Akta Rahsia Rasmi 1972 iaitu akta yang berkaitan melindungi rahsia-rahsia rasmi pindaan 1984 dan pindaan 1986. Akta Hasutan 1948 iaitu akta untuk menyediakan hukuman ke atas perbuatan menghasut. Darurat Ordinance 1970⁴. Dan terdapat juga akta yang tidak memerlukan sebarang pindaan. Ini adalah kerana peruntukan undang-undang yang sedia ada sudah memadai kerana walaupun ia melibatkan teknologi komunikasi maklumat, hakikatnya tetap sama. Contohnya di Malaysia, antaranya ialah yang termasuk di dalam kanun keseksaan seperti Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Akta-akta ini bertujuan untuk mendakwa pihak yang tersabit dengan kesalahan pornografi dan eksplotasi wanita untuk tujuan seksual. Walaupun dengan penguatkuasaan seperti yang dinyatakan, maklumat-maklumat terlarang masih mudah dicapai dan disebarluaskan di dalam internet (Mohd Zuki Pileh 2000). Berdasarkan David Johnston (1998) terdapat dua isu penguatkuasaan yang paling utama di samping isu-isu

yang lain iaitu masalah persempadan dan masalah untuk mengenalpasti bentuk kesalahan di kalangan badan penguatkuasa.

6.6.1 Masalah Sempadan.

Walaupun terdapat institusi antarabangsa yang terlibat di dalam penyeliaan perkomputeraan, (samada melibatkan piawaian, keselamatan, telekomunikasi, hakcipta, perdagangan antarabangsa, penyiasat antarabangsa) institusi-institusi ini masih lagi tidak dapat menembusi peringkat-peringkat penguatkuasaan tertentu. Ini kerana, kebanyakannya perjanjian kesefahaman yang dibuat tidak menjelaskan batasan-batasan yang sebenarnya. Institusi-institusi ini harus mempunyai rangkakerja yang konsisten untuk dapat berfungsi sehingga ke peringkat yang tertentu. Masaalah ini ditambah lagi dengan tempoh masa yang lama untuk sesuatu perjanjian persefahaman dipersetujui di kalangan negara-negara yang terlibat. (Neil Barrett 1996 : 204-205). Kecanggihan teknologi yang ada menjadikan ruang siber tidak dibatasi oleh sempadan negara. Contohnya bagaimana seorang lelaki di US yang mengedarkan bahan luah ke Malaysia melalui internet. Jika menurut sistem perundangan di Malaysia, dia telah melakukan kesalahan tetapi di US dia tidak dianggap telah melanggar undang-undang. Keadaan ini menimbulkan persoalan; undang-undang mana yang harus digunakan? Ia tidak mudah dijawab kerana setiap negara mempunyai corak undang-undangnya yang tersendiri (David Johnston et al. 1998 : 204).

Contohnya bagaimana Amerika membenarkan perkara-perkara berbentuk keluahan tetapi di UK, ia tidak dibenarkan. Di manakah dalam bagi sesuatu keluahan atau perbuatan memfitnah? Mungkin mereka berada di Singapura, New York atau Paris?. Walaupun mereka dapat dikesan, peraturan manakah sesuai memandangkan penguatkuasaan undang-undang adalah berbeza bagi setiap negara. Misalnya pengedaran bahan-bahan luah dibenarkan di Amerika tetapi tidak di Malaysia (David Johnston et al. 1998 : 205).

6.6.2 Kefahaman bidang komputer di kalangan badan penguasa.

Pendakwaan di dalam menangani kes jenayah berkaitan komputer menghadapi kesukaran juga disebabkan masaalah pihak yang mendakwa tidak dapat menentukan samada seseorang yang sedang menggunakan komputer itu telah melakukan kesalahan atau tidak. (Deepak Pillai 1998). Walaupun terdapat sesuatu pertuduhan, pihak yang dituduh sukar untuk disabitkan kesalahan kerana tahap kefahaman yang lemah di kalangan agensi penguasa. Ia juga kerana tidak semua pihak pendakwa, hakim dan juri yang benar-benar arif tentang bidang perkomputeraan.

Contohnya kesalahan yang berkaitan dengan fitnah dan pencerobohan keperibadian individu (*privacy*). Di dalam kes yang membabitkan laman web Reformasi⁵ yang menjadi media untuk menyebarkan fitnah tanpa asas dan bukti yang kukuh serta membuat tuduhan liar ke atas pemimpin-pemimpin kerajaan, sehingga kini laman-laman web ini masih gagal dikawal sama sekali oleh akta-akta yang dikuatkuaskan. Begitu juga perkara yang berkaitan pornografi dan kelucuan yang lain. Punca kepada masalah ini gagal dikenalpasti dan menyebabkan usaha-usaha untuk membawa mereka yang bertanggungjawab tidak dapat diteruskan.

Masalah *anonymous* (tidak dikenali) juga menjadikan keadaan semakin sukar. Ini adalah kerana komunikasi di kalangan ahli masyarakat maya atau komuniti siber tidak menggunakan nama sebenar. Masalah yang timbul ialah : Bagaimana untuk kita mengenalpasti siapa yang terlibat di dalam permasalahan ini? Kebanyakkan masaalah yang ditimbulkan oleh aktiviti *Hacker* juga sukar dibendung kerana ia bersifat *anonymous*. Kerana itu, pencerobohan laman-laman web akan terus berlaku.

6.7 Kesimpulan.

Kesedaran masyarakat terhadap aspek perundangan di dalam Teknologi Komunikasi Maklumat masih berada pada paras yang tidak memuaskan. Contohnya di Malaysia, berdasarkan fakta menunjukkan bahawa sehingga tahun 2000, hanya satu kes yang melibatkan salah laku internet. Iaitu kes tahun 1997 yang melibatkan khabar angin tentang berlakunya rusuhan di Kuala Lumpur dan tidak ada satu kes pun di Malaysia yang diputuskan di mahkamah melibatkan pornografi di internet.(Muhd. Zuki Pileh 2000). Pihak yang mempunyai kepentingan seperti majikan, insitusi keluarga, sekolah dan kerajaan sahaja yang mempunyai kesungguhan untuk mengatasinya dari segi aspek perundangan. Penggubalan undang-undang tanpa memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada golongan sasaran menyebabkan TKM sehingga kini terus dianggap sebagai medium komunikasi yang “bebas nilai” oleh para penggunanya.

Nota hujung

¹ Dipetik daripada Mingguan Malaysia bertarikh 17hb Jun 2001 dibawah ruangan rencana dan bertajuk 'Khabar Angin'.

² Malaysian Communication and Multimedia Commissions <<http://www.cmc.gov.my/legislationframe.htm>>.

³ Ibid.

⁴Rujuk<<http://www.lawsofmalaysia.com/bahasa/SubjectIndexActList.asp?subCategory=NIL%20&act=Keselamatan%20Negara>>.

⁵ Laman web <<http://members.tripod.com/~mahazalimtwo/>> merupakan salah satu daripada laman web yang terhasil akibat perasaan tidak puas hati layanan kerajaan Malaysia k atas bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1998. Kandungan laman web ini banyak mengandungi tuduhan-tuduhan penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai kerajaan. Kebanyakkan maklumat yang dipaparkan samada tidak jelas atau palsu kerana tidak disertakan bukti-buktii yang sahih.